

# **Kenaikan gaji khidmat sokongan perlu diselesaikan segera menerusi semakan SSPA**

Oleh [Latifah Arifin](#) - April 20, 2024 @ 6:25pm  
[latifah@bh.com.my](mailto:latifah@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Peningkatan gaji pokok secara bersasar terutama bagi kumpulan penjawat awam perkhidmatan sokongan adalah isu paling kritikal perlu diselesaikan melalui semakan semula Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang akan dimuktamadkan kelak.

Ini memandangkan mereka berdepan kesan paling besar termasuk jurang gaji yang semakin melebar, bebanan kos sara hidup dan kadar pencen yang tidak setimpal.

Bekas Pengarah Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Dr Musa Ali, berkata pengumuman mengenai peningkatan gaji pokok penjawat awam perkhidmatan sokongan paling ditunggu-tunggu dan perkara paling utama perlu diberi perhatian kerajaan.



Bekas Pengarah Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia (USM), Datuk Dr Musa Ali.

"Saya melihat ini adalah harapan penjawat awam terutama yang berada dalam kumpulan perkhidmatan sokongan. Kumpulan ini sebenarnya yang paling ramai dalam sektor awam dan mereka patut diberi tumpuan.

"Malah, mengambil kira keadaan ekonomi semasa, amat wajar untuk kerajaan beri kenaikan gaji pokok secara bersasar. Pada masa sama, ia dapat mengurangkan jurang gaji di antara kumpulan perkhidmatan sokongan ini dengan kumpulan yang tertinggi.

"Misalnya jika kerajaan umum kenaikan gaji pokok 20 peratus bagi semua skim perjawatan, ini akan melebarkan lagi jurang yang sedia tinggi.

"Malah, perlu kita sedar bahawa lebih daripada 60 peratus pekerja kumpulan sokongan ini gaji mereka rendah, kerana (skim gaji) semasa kita adalah berbentuk piramid.

"Peningkatan gaji pokok ini juga ada kaitan dengan pencen diterima mereka apabila bersara kelak. Sekiranya ia masih di takuk yang lama, akhirnya kita akan melihat lebih ramai pesara kakitangan awam yang pendapatan mereka di bawah garis kemiskinan kerana mereka tidak menerima gaji yang setimpal," katanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu kenyataan memaklumkan, keputusan penambahaikan struktur gaji baharu penjawat awam akan diumumkan pada perhimpunan Hari Pekerja awal bulan depan.

Kali terakhir semakan SSPA dilaksanakan pada 2001 dan penambahbaikan gaji tidak dibuat sejak 2013.

Melalui kajian secara menyeluruh itu, aspek perkhidmatan awam meliputi saraan, pembangunan organisasi dan pengurusan bakat untuk memastikan kebijakan dan kesejahteraan penjawat awam akan diteliti semula.

Mengulas lanjut, Musa yang juga Profesor Adjung di Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom (DHU) berkata penstrukturkan semula gaji penjawat awam juga perlu menumpukan kepada kenaikan gaji tahunan.

"Sekarang ini, ada (penjawat awam) yang menikmati kenaikan gaji tahunan serendah RM80 dan RM120. Pada saya ia tak setimpal dengan produktiviti dan sumbangan mereka.

"Katalah gaji mereka bermula dengan RM1,800, berapa tahun perlu menunggu untuk sekurang-kurangnya sampai kepada gaji RM2,500.

"Selain daripada penelitian semula gaji, penting juga untuk kerajaan melihat dari segi ekosistem keseluruhan sektor perkhidmatan awam itu sendiri. Benar, kenaikan gaji akan meningkatkan motivasi untuk meningkatkan produktiviti kerja, tetapi bagaimana kita nak pastikan mereka dapat mengekalkan prestasi yang baik.

"Disebabkan itu perlu diperkenalkan satu 'reward system' (sistem ganjaran) yang lebih komprehensif dan kompetitif, bukan hanya berdasarkan kelayakan akademik tetapi turut melihat kepada tahap kecekapan atau kemahiran mereka," katanya.